



DARI PERSPEKTIF MB  
 YAB DATUK DR SAHRUDDIN JAMAL, MENTERI BESAR JOHOR

# DEMI MASA DEPAN JOHOR

MENEMPA PEMBANGUNAN STRATEGIK, MENYEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT

Tanggal 11 Julai 2019 merupakan hari yang sangat bermakna bagi negeri Johor. Ini disebalkan Johor merupakan negeri pertama yang dijanjikan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Beliau dalam rangka lawatannya ke seluruh negara untuk mendapatkan input bagi menggubal pelan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Dalam majlis pelancaran RMK-12, beliau menekankan tiga dasar utama iaitu pemerkasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial serta amalan tadbir urus yang terbaik.

Kerajaan Negeri Johor sebenarnya sedang dalam peringkat akhir merangka Pelan Pembangunan Mampuan Johor 2019-2030.

Pelan ini menggambarkan idea, pemikiran dan gagasan barisan kepimpinan kerajaan negeri untuk meneruskan kelangsungan pembangunan strategik yang menyumbang di negeri Johor. Pelan pembangunan ini bertitik beratkan 'Negeri Johor Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari'.

Menerusi pelan ini, kerajaan negeri berhasrat melonjakkan negeri Johor menjadi sebuah kuasa ekonomi yang dogani di peringkat nasional dan global, selain memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang progresif, berinovasi dan bestari. Untuk menayakan hasrat tersebut, Johor tembus ke arah merarik lebih ramai pelabur asing dari seluruh dunia. Sejak sekian lama, Johor menjadi destinasi utama pelaburan asing kerana kemestaran dasar kerajaan dan kesegaran pertumbuhan ekonominya.

Natijahnya, negeri Johor telah menerima nilai kelulusan projek



Menteri Besar, Dato' Dr. Sahrudin Jamal serta barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor bersama Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam pertemuan bagi memperkukuhkan jalinan nubung antara Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Putrajaya.

perkilangan (pembuatan) tertinggi dari tahun 2013 hingga tahun 2018 dengan jumlah sebanyak RM145 bilion, berbanding keseluruhan jumlah kelulusan diterima negara sebanyak RM1408 bilion, jumlah ini menunjukkan 35% raii pelaburan negara di sektor ini disumbangkan dari negeri Johor. Lebih menarik lagi, nilai kelulusan bagi projek perkilangan (pembuatan) negeri Johor pada tahun 2018 menaikkakan sebanyak 78% diterima dari pelaburan asing yang menorminkan keyakinan pelabur asing terhadap senario ekonomi di negara ini khususnya di negeri Johor.

Pada tahun 2018, Johor terus kekal sebagai antara negeri penyumbang di Malaysia dengan jumlah dagangan berdasarkan pintu keluar dan masuk sebanyak RM365.7 bilion. Seterusnya, negeri Johor terus kekal antara negeri yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan pencapaian Kelulusan Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2018

sebanyak RM117 bilion bersamaan 9.5% dari nilai KDNK di peringkat nasional.

Di sebalik senario ekonomi dunia yang tidak menentu, KDNK negeri Johor di unjur mengalami pertumbuhan sebanyak 5.2%-5.5% pada tahun 2019 dengan asas kepelbagaian sumber ekonomi negeri. Johor juga menggalakkan rakyatnya terlibat dengan program ekonomi baharu termasuklah keusahawanan digital dan ekonomi kreatif. Tentunya ia melibatkan golongan muda yang mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif.

Dalam menuju pembangunan yang seimbang dan menyeharuk bertinjangan kesejahteraan bangsa Johor, program keusahawanan digital telah diperkenalkan dan diperluas. Pada tahun 2017, Johor telah mencatatkan pendapatan daripada transaksi e-dagang sebanyak RM49.8 bilion, menjadikannya sebagai negeri ketiga selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berdasarkan perspektif sejarah, Johor diletakkan dalam kalangan negeri-negeri maju di Malaysia. Ielasanya, barisan kepimpinan terdahulu telah meletakkan Johor terkedepan dengan pelbagai dasar dan program pembangunan di seluruh negeri Johor. Misalnya, sebelum tahun 2018, terdapat dua pelan pembangunan yang dinamakan gagasan Johor Berkemajuan dan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor bagi memperkasa pembangunan irihafif Johor.

Justeru, pelaksanaan Pelan Pembangunan Mampuan Johor 2019-

2030 amat signifikan kerana ia mempunyai kaitan dengan kadar pertumbuhan ekonomi negeri, kemasukan pelaburan asing, penawaran peluang pekerjaan, kestabilan politik, keharmonian sosial dan pembangunan yang progresif. Apa yang lebih penting, penggabalan pelan jangka sederhana panjang ini akan memandu seluruh barisan kepimpinan kerajaan negeri dan jentera pentadbiran kerajaan negeri untuk merealisasikan strategi pembangunan di seluruh Johor.

Menerusi teras pemerkasaan ekonomi, Kerajaan Johor berhasrat untuk menjalankan program pembangunan wilayah yang lebih strategik. Agensi persekutuan seperti Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IBDA) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dipertanggungjawabkan menjalankan pelbagai inisiatif berimpak tinggi di beberapa buah daerah di Johor.

Sektor ekonomi yang lebih spesifik juga dirangka untuk pembangunan luar bandar. Selain itu, Kerajaan Negeri Johor juga merangka perancangan bagi meningkatkan penyediaan infrastruktur mega, menyediakan pergaulan awam moden dan berkualiti, mempesaka beberapa sektor berpotensi dalam perkhidmatan seperti pelancoran, logistik, industri halal dan pertanian, membangunkan 'smart city' dan menangani isu perumahan secara holistik.

Kesemua ini membuktikan hasrat Kerajaan Negeri Johor menjadikan Johor sebuah negeri

yang maju, progresif, moden dan dinamik.

Melalui teras kelestarian alam sekitar, Kerajaan Johor berusaha memastikan pembangunan lestari dan mengawal kerosakan alam sekitar demi kesejahteraan rakyatnya. Ia memfokuskan kelangsungan sumber alam agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Pengurusan sisa pepejal menerusi kaedah 'waste to energy' dan 'waste to wealth' pengurusan tenaga boleh diperbaharui merupakan antara agenda yang memerlukan daya saing dalam pembangunan teknologi di dalam negeri, selari dengan agenda penjimatan penggunaan tenaga.

Antara usaha terbaru ialah perubahan Majlis Rendah Karbon Negeri Johor yang mempunyai matlamat untuk mempelopori inisiatif rendah karbon dan teknologi hijau dalam perancangan kawasan persekitaran ke arah pembangunan mampuan. Kerajaan Johor juga komited menyediakan rangkaian prasarana pelaburan yang lengkap dalam menarik pelaburan berimpak tinggi yang akan menjadi 'catalyst' 'pindahan teknologi dan meningkatkan daya saing serta pembangunan bakat di Johor.

Secara langsung, ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi terutamanya dalam sektor ekonomi kreatif dan digital. Inisiatif ini juga boleh menggalak migrasi anak-anak Johor ke negara lain dengan memberi tumpuan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan keusahawanan.

Pembelajaran masyarakat yang memerlukan seperti golongan berpendapatan rendah, Orang Kurang Upaya dan warga emas adalah merupakan agenda yang sentiasa diberi penekanan dalam pelan pembangunan ini. Ia memperlihatkan keseriusan Kerajaan Johor dalam mendukung keutuhan institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam arus pemodernan negeri. Kerajaan juga berhasrat untuk membangunkan pusat idea, memperkasa keusahawanan sosial, melibatkan penyertaan Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak korporat dan rakyat secara keseluruhannya dalam menjadikan pembangunan Johor sebagai negeri berprestasi tinggi.

Selain itu, Kerajaan Johor berhasrat memberi penumpuan kepada pemerkasaan dan pemodernan sistem pendidikan



Kreatif foto: Nur Hafidza